

Laksana projek RMK-9 ikut jadual, kualiti dipelihara - PM

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 21 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) supaya melaksanakannya mengikut jadual selain memastikan kualiti projek dipelihara.

Menurut Perdana Menteri, perkara berkenaan terkandung dalam surat tawaran yang akan diserahkan kepada kontraktor terbabit.

"Perkara ini ada dalam borang yang akan dikemukakan, bila projek ditawarkan nanti, itu perkara yang akan disebut dalam surat tawaran iaitu memperingatkan mereka bahawa projek mesti dilaksanakan ikut jadual dan kualiti projek mesti dipelihara.

"Pihak kementerian berkenaan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) akan ada maklumat berkaitan syarikat berkenaan (kontraktor)," katanya selepas mengadakan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-100 di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Menurut Abdullah, langkah berkenaan dilakukan bagi memastikan syarikat kontraktor itu

mampu melaksanakan projek yang diberikan.

"Kalau tak mampu macam mana nak pertimbangkan untuk mereka mendapat projek berkenaan, tentulah tak boleh," katanya.

Pada sidang akhbar itu, Abdullah turut menegaskan kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya menjadi ketua pelaksana

• **Lihat muka 2**

Laksana projek RMK-9 ikut jadual, kualiti dipelihara - PM

dengan bertanggungjawab terhadap projek RMK-9 bagi memastikan ia berjalan dengan baik sama ada ia projek kerajaan negeri atau Persekutuan.

Beliau berkata, jika mereka ingin menyampaikan apa-apa pandangan, Menteri Besar serta Ketua Menteri perlu terus menyatakan kepada menteri berkenaan dan jika diperlukan perbincangan mengenai masalah yang timbul, maka mesyuarat mesti diadakan.

"Selain itu, kerajaan negeri juga diarah mengadakan unit khas untuk memudahkan dan mempercepatkan pertimbangan serta membuat keputusan berkaitan dengan tanah yang diperlukan bagi pembangunan

projek baru berkaitan RMK-9.

"Ini adalah amat penting sekali. Saya juga tegaskan betapa penting kerajaan negeri bertindak pantas dan percepatkan permohonan yang diperlukan daripada tiga institusi besar iaitu pejabat tanah, pejabat daerah dan kerajaan tempatan kerana RMK-9 perlu digerakkan dengan pantas," katanya.

Keputusan juga, kata beliau perlu dilakukan dengan cepat, tepat dan sempurna tanpa ada kesalahan dan kesilapan biarpun kadang-kadang terdapat kesalahan apabila keputusan cepat dilakukan.

Mengulas mengenai isu yang dibincangkan di dalam mesyuarat berkenaan,

Abdullah berkata, beliau menekankan betapa pentingnya amalan mengadakan mesyuarat tersebut sekurang-kurangnya sekali sebulan kerana ia mempunyai banyak manfaat dan kebaikan kepada negara.

Mesyuarat itu, katanya dapat membantu meningkatkan keberkesanan penyelesaian projek dan kegiatan pembangunan seluruh negara kerana penyelarasan perlu dilakukan kerana banyak projek yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan ditempatkan di negeri-negeri.

Di samping itu, ujar Perdana Menteri, beliau juga mengambil kesempatan menerangkan tentang permulaan pelaksanaan RMK-9 yang melibatkan 880 projek dan

peruntukan bernilai RM15 bilion.

Abdullah menyatakan perbincangan juga menyentuh mengenai Air Tidak Berhasil (NRW) dan meminta usaha dilakukan bagi mengurangkan kadar kehilangan air itu dengan memastikan paip air yang dipakai ketika ini digantikan dengan cepat serta menggunakan produk tempatan.

Selain itu, kata beliau sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-50 negara pada tahun depan, adalah penting bagi kerajaan negeri memaklumkan kepada jawatankuasa Pusat mengenai program yang ditetapkan di negeri masing-masing supaya penyelarasan jadual projek dapat dilakukan.